

Kilang MSM Johor Bakal Jadi Hab Gula Pasaran Serantau

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) meraikan majlis pecah tanah MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn. Bhd. (MSM Johor) – kilang penapisan gula bersepadu yang terbesar di Malaysia, dalam usaha untuk menyokong perniagaannya yang kian berkembang pesat.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Johor Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz mewakili Yang Amat Berhormat, Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor. Turut hadir Yang Berhormat Tan Sri Hj Mohd Isa bin Dato Hj Abdul Samad, Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad dan Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM.

Dijangka siap pada penghujung 2017, ia menyasarkan kapasiti pengeluaran sebanyak satu juta tan gula bertapis setahun, berbanding sebelumnya sebanyak 1.25 juta tan sahaja. Ini membolehkan MSM untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya kepada 2.25 juta tan serta memanfaatkan sepenuhnya asas kukuh mereka.



Dilengkapi dengan teknologi terkini dan penjimatan tenaga, ia mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi 100 peratus permintaan gula tempatan. Manakala, kapasiti berlebihan pula untuk dijual kepada pasaran eksport. Pada masa yang sama, dianggarkan 30 hingga 50 peratus kos pemprosesan gula bakal dikurangkan.

"Hari ini merupakan hari yang bersejarah untuk MSM. Projek ini adalah pencetus dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan merangsang pertumbuhan sosio-ekonomi tempatan. Ia juga memenuhi visi kami sebagai pengeluar gula bertapis terkemuka dan menjadi hab moden untuk

pasaran gula serantau," ujar Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod.

Berlokasi di Tanjung Lingsat, Johor Darul Takzim di plot tanah seluas 50.63 ekar, pelaburan berjumlah USD259 juta itu dijangka membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di Pasir Gudang dan masyarakat sekeliling dalam tempoh lima tahun akan datang, serta merangsang ekonomi tempatan dan menjadi mercu tanda yang terbaru di negeri Johor.

Menjelang tahun 2020-2025, konsumsi gula Malaysia dijangka meningkat sehingga 1.9 juta tan dan keupayaan yang dihasilkan oleh dua kilang penapisan gula Kumpulan MSM sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tersebut.

Setelah pembinaan MSM Johor selesai, kilang penapis bertaraf tinggi ini mampu menghasilkan 3,000 MT gula bertapis setiap hari dengan pilihan untuk bertambah sehingga 6,000 tan setiap hari mengikut keperluan. Lantaran itu, ia memberi peluang khusus kepada MSM untuk memenuhi permintaan domestik dan seterusnya meningkatkan jualan eksport pada harga yang berdaya saing dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan negara-negara Asia Pasifik. **C**